

WAR 04 INDUSTRI MAKANAN HALAL SERANTAU: KAJIAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA

Dr. Nor 'Adha Abdul Hamid, Wawarah Saidpudin, Norziah Othman, Surianom Miskam, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah, Farah Mohd Shahwahid, Norazla Abdul Wahab.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

noradha@kuis.edu.my, wawarah@yahoo.com, norziah@kuis.edu.my,
surianom@kuis.edu.my, nazirah@kuis.edu.my, marliana@kuis.edu.my,
farahms@kuis.edu.my, norazla@kuis.edu.my.

ABSTRAK

Perkembangan industri makanan halal semasa amat memberangsangkan dan potensi ekonomi hasil permintaan terhadap industri ini mendorong beberapa negara seperti Malaysia, Thailand, Indonesia dan Brunei berusaha untuk menggiatkan industri pengeluaran makanan halal mereka. Di Malaysia, bantuan dan komitmen kerajaan serta badan-badan bertanggungjawab dalam menjadikan Malaysia sebagai hab halal global menyumbang kepada perkembangan yang semakin positif. Begitu juga di Indonesia, perkembangannya semakin dirasai menerusi komitmen kerajaan dengan memperkenalkan Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 33 Tahun 2014 – Jaminan Produk Halal, iaitu undang-undang pertama pada pelabelan halal di negara majoriti Islam. Justeru, kertas kerja ini membincangkan pencapaian industri makanan halal di Malaysia dan Indonesia dan sejauhmana pasaran dan permintaan tersebut mampu diselaraskan dengan pemantauan berterusan menerusi dasar, piawaian dan standard yang dikuatkuasakan di negara terbabit. Prinsip dan konsep halal menurut al-Quran dan al-Sunnah serta berdasarkan pandangan ulama Islam muktabar turut dikupas bagi menjelaskan keperluan kepada maksud sebenar bagi 'tagline' halal yang digunakan.

Kata kunci: Industri halal, makanan, ekonomi, dasar, piawaian dan standard.

MAKANAN HALAL

Makanan yang halal dari sisi syarak ialah makanan yang bersih zatnya, suci kaedah perolehannya serta bebas daripada sebarang kemudaratan yang menjamin kepada konsep halal tahayyiban (Harlida & Alias 2014). Dalam kehidupan, tujuan seseorang itu makan bukanlah hanya sekadar ingin mengenyangkan perut semata-mata tetapi menurut Rouse & Hoskins (2004), ia lebih kepada ekspresi terhadap tingkahlaku sosial, peribadi, dan komuniti agama manakala memasak pula adalah ekspresi terhadap tugas agama, kasih sayang sesama manusia, dan juga kasih sayang kepada Allah. Maka, setiap makanan yang menjadi pilihan manusia adalah terserah kepada bagaimana kita menyediakannya. Tidak dapat dinafikan, didikan agama juga memberi kesan kepada penganutnya untuk memilih makanan yang boleh atau tidak boleh dimakan (Bonne et al. 2007) misalnya larangan memakan daging khinzir bagi umat Islam dan larangan memakan daging lembu bagi penganut Hindu dan Buddha (Sack 2001).

Mengambil contoh pendekatan undang-undang agama Islam yang diperolehi daripada al-Quran dan hadis Nabi Muhammad, Islam mengharamkan dan menghalalkan sesuatu makanan itu adalah kerana agama Islam adalah agama yang ditadbir dengan peraturan dan syariat yang dibina bertujuan untuk menyejahterakan umatnya (Bonne et al. 2007). Dalam agama Islam,

hukum halal dan haram akan digunakan sepenuhnya untuk menerangkan produk makanan, daging, kosmetik, produk penjagaan diri, bahan-bahan makanan, bahan minuman dan sebagainya dan ia ditentukan mengikut Al-Quran dan syari'at secara jelas. Umat Islam juga dibenarkan untuk menganggap sesebuah makanan itu halal melainkan jika peraturan atau syarak Islam khusus melarangnya (Lada 2009).

“Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terbaik dibumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; karena sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.” (Al-Baqarah: 168)

MAKANAN HALAL DAN UMAT ISLAM

Tieman & Che Ghazali (2012) menjelaskan orang Islam mahu memastikan makanan dan produk yang digunakan oleh mereka adalah halal termasuklah dari segi penghasilan, persediaan, pengurusan dan penyimpanan yang perlu dijamin statusnya. Kajian daripada Al-Khatib et al. (1995) dan Bonne et al. (2007) menyatakan bahawa pengguna Muslim yang mengikuti ajaran Islam dan mempunyai jati diri Muslim secara menyeluruh akan membuat permintaan yang tinggi terhadap makanan halal yang mematuhi syarak Islam. Permintaan daripada pengguna Muslim kini inginkan maklumat bahan produk yang jelas dan mereka juga tidak mudah percaya terhadap tanda halal dan kepercayaan itu semakin berkurangan jika produk tersebut daripada negara bukan Islam (Muatasim & Katharina 2012).

Manakala dalam kajian Ahmed (2008) menemui bahawa rakyat United Kingdom lebih mempercayai kedai-kedai tempatan yang menjual produk halal oleh peniaga Muslim berbanding dengan kepercayaan yang rendah terhadap status produk halal di pasar raya yang besar dan kebanyakan mereka juga tidak mengetahui bahawa pasar raya besar juga ada menjual produk halal tersebut. Dianggarkan 70 peratus daripada umat Islam di seluruh dunia mengikut piawaian halal (Minkus-McKenna, 2007) dan menurut Hussaini (2004), umat Islam walaupun selepas berhijrah ke Amerika, 75% daripadanya masih memilih produk halal. Di Thailand pula, kajian daripada Chanin et al. (2015) menemui hasil kajian pelancong muslim yang datang ke Thailand membuat permintaan agar makanan dan minuman, restoran Halal tambahan perlu disediakan dan boleh didapati di tempat-tempat pelancongan dengan logo makanan Halal yang diperakui. Maka kajian ini bertujuan untuk meneroka dengan lebih mendalam pencapaian industri makanan halal di Malaysia dan Indonesia dan sejauh mana pasaran dan permintaan tersebut mampu diselaraskan dengan pemantauan berterusan menerusi dasar, piawaian dan standard yang dikuatkuasakan di negara terbabit.

INDUSTRI HALAL MALAYSIA

Badan tunggal utama yang mengeluarkan pensijilan halal di Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan adalah Jabatan Kemajuan Islam Negeri Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (Puziah 2009) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Harlida & Alias 2014). Bagi produk yang ingin dipasarkan dalam negara, permohonan tersebut boleh dibuat kepada JAIN manakala untuk produk yang dipasarkan ke peringkat antarabangsa atau nasional permohonan perlu dibuat kepada JAKIM (JAKIM 2005). Sijil halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM dikenali di seluruh dunia dan merupakan satu logo halal yang dipercayai di peringkat antarabangsa (Ahmad & Zulzaidi 2012) kerana mempunyai industri yang kuat, mengeluarkan dan memasarkan produk halal, hubungan yang kuat dengan perdagangan negara utama di dunia dan sokongan yang teguh daripada kerajaan (Baizuri et al. 2012).

Di Malaysia, peruntukan perundangan, dasar dan piawaian yang digariskan dalam persoalan halal adalah berasaskan kepada prinsip dan konsep halal yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah serta mengikut pandangan ulama Islam yang muktabar (Ahmad & Zulzaidi 2012). Antara perundangan yang berkaitan dengan aspek halal di Malaysia ini adalah Akta Perihalanan Dagangan 2011 dan Akta Makanan 1983 (Harlida & Alias 2014).

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia pula ditubuhkan dengan tujuan utamanya memperkenalkan Malaysia sebagai hab halal antarabangsa. Antara fungsi HDC ini adalah menjuarai piawaian halal termasuklah proses audit dan pengesahan sijil halal untuk melindungi integriti halal, mempengaruhi pembangunan industri Halal untuk membolehkan syarikat yang memasarkan produk halal bergabung dengan pasaran global, membangun dan mempromosikan jenama halal Malaysia, mempromosikan konsep dan servis produk halal di serata Malaysia.

INDUSTRI HALAL INDONESIA

Islam adalah agama yang dominan di Indonesia, yang juga mempunyai penduduk Islam yang lebih besar daripada mana-mana negara lain di dunia, 87% umat Islam daripada jumlah 250 juta penduduk Indonesia (Halal Focus 2014). Di Indonesia, antara daya saing yang perlu dihadapi oleh pengeluar bukan sahaja produk yang murah malahan pensijilan halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ulama Indonesia juga antara faktor rujukan kepercayaan pengguna kepada kualiti produk tersebut (Nursanti & Tielung 2014).

Menurut Pengerusi Biro Penyelidikan Makanan, Dadah dan Kosmetik Majlis Ulama Indonesia (MUI- LPPOM), 63% daripada produk di Indonesia tidak mempunyai sijil Halal dan daripada 113,000 produk yang berdaftar, hanya 41,000 produk telah dilabelkan sebagai halal (Rafiki 2014). Kebanyakan produk tidak mempunyai label halal kerana prinsip sukarela yang dilaksanakan dalam proses pensijilan halal, oleh itu tidak ada perlindungan yang maksimum kepada pengguna Indonesia, khususnya umat Islam (Abdul et al. 2013).

Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pensijilan Halal adalah Lembaga Pengkajian Pangan Obat-Obatan dan Kosmetika - Majlis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), adalah sebuah institusi yang dibentuk oleh MUI untuk menjalankan fungsi MUI dalam melindungi pengguna Islam terhadap penggunaan produk makanan, ubat-ubatan dan kosmetik (Indonesia Halal Directory 2015-2016). Hasanudin (2014) yang juga Pengerusi Fatwa MUI turut menjelaskan lagi melalui tembualnya bersama Halal Focus bahawa kerajaan dikehendaki mengeluarkan satu peraturan untuk mengawal selia LPH secara lanjut. Selain itu, sebuah agensi audit sijil halal, dan MUI akan memainkan peranan penting untuk meluluskan penghakiman ke atas definisi halal dan haram.

Menurut undang-undang baru, kerajaan diperlukan untuk mengeluarkan pelaksanaan peraturan dalam tempoh dua tahun dan melaksanakan undang-undang tersebut dengan berkesan dalam tempoh lima tahun selepas ianya berkuatkuasa sebagai enakmen. Ini bermakna pada tahun 2019, pelabelan halal akan diwajibkan kepada semua produk yang diedarkan di Indonesia. Rumah Indonesia Rakyat (DPR) meluluskan undang-undang pada pensijilan produk halal pada bulan September dan disahkan oleh Presiden Republik Indonesia pada tarikh 17 Oktober 2014. Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 33 Jaminan Produk Halal adalah undang-undang yang pertama pada pelabelan halal di negara majoriti Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bagi kajian ini adalah temu bual mendalam bersama dengan badan autoriti yang menguruskan pensijilan halal di Malaysia iaitu Ustaz Salleh dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Encik Mohd Romzi selaku Pengurus Kanan Global Halal Support Centre, mewakili Halal Development Centre, Malaysia. Manakala di Indonesia pula adalah Pak Muslich dari Global Halal Centre, Indonesia mewakili LPPOM MUI dan Dr. Anna P. Roswiem dari Science Halal Centre, Universitas Yarsi. Hasil kajian menemui empat tema utama melalui dapatan temu bual mendalam bersama wakil badan/institusi halal bagi kedua-dua buah negara tersebut iaitu **badan autoriti pensijilan halal, perundangan halal, cabaran industri halal dan kekuatan industri halal.**

HASIL KAJIAN

A) BADAN AUTORITI PENSIJILAN HALAL

Badan Autoriti Pensijilan Halal di Malaysia adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) manakala di Indonesia adalah Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Di Malaysia, sejak tahun 1974, JAKIM telah terlibat dalam memberi pengesahan status halal kepada produk makanan dan barangan gunaan Islam. Ustaz Salleh dari Bahagian Dasar JAKIM menjelaskan, ia bermula apabila Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri memberi surat pengesahan halal kepada produk-produk tempatan yang memenuhi kehendak syarak. Pada tahun 1994, pengesahan halal diberi dalam bentuk sijil pengesahan beserta logo halal dan mulai 30 September 1998 pemeriksaan halal dilaksanakan oleh Syarikat Ilham Daya iaitu sebuah syarikat yang dilantik oleh kerajaan.

“kalau sejarah halal, dia bermula tahun 1974 kemudian dekat bila dia ada bahagian kajian makanan dan barang gunaan kan, masa dekat BKI... ni dia diberi 100% kepercayaan untuk menguruskan halal. Kemudian bila JAKIM... halal diswastakan di bawah Ilham Daya”

(Ustaz Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Pada 1 September 2002, kerajaan telah memutuskan bahawa semua urusan pengesahan halal dilaksanakan sepenuhnya oleh JAKIM melalui Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam. Melihat kepada perkembangan pesat industri makanan di negara ini serta keperluan semasa umat Islam, maka pada 17 November 2005 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah meluluskan penubuhan satu bahagian baru yang khusus untuk menjaga pensijilan Halal dengan nama baru Bahagian Hub Halal.

Ustaz Salleh juga menceritakan sedikit sejarah pensijilan halal di Malaysia ini iaitu pada 2 April 2008, pengurusan pensijilan halal diambil alih sementara oleh Halal Industry Development Corporation (HDC). Walau bagaimanapun, mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memutuskan pengurusan pensijilan Halal dalam dan luar Malaysia dikembalikan bawah JAKIM.

“... selepas bahagian islam tu, pensijilan halal pernah diswastakan. Kita swastakan setahun HDC yang incharge pensijilan halal. Waktu tu auditor kebanyakan daripada JAKIM dipinjamkan. Itu yang saya ingat tu. Waktu tu pasal HDC adalah syarikat swasta, walaupun kita cakap syarikat milik kerajaan, tapi

tulah kepercayaan masyarakat. Masyarakat bila dia fikir swasta mesti benda ni profit, tu yang jadi kat situ dikembalikan kepada kerajaan lah. Tak adalah HDC jual sijil ke apa ke.”

(Ustaz Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Selain itu, dua agensi yang sering dikaitkan dengan Pensijilan Halal di Malaysia adalah JAKIM dan HDC. Kedua-dua agensi ini memainkan peranan yang sangat penting kepada industri Halal Malaysia, dan peranan yang dimainkan adalah sangat berbeza. Bidangkuasa JAKIM adalah tertumpu kepada pensijilan Halal dan pematuhan kepada standard Halal manakala HDC lebih tertumpu kepada pembangunan industri halal tempatan dan global dan pemasaran produk halal.

“Dia beza bidang tu. JAKIM dia punya bidang jajahan dia pensijilan. Enforcement semua tu JAKIM punya. Enforcement kita bergantung pada APD 2011. HDC ni dia lebih kepada development industry. Dia buat benda lain. tak ada satu pun persamaan kerja, totally different antara dia punya bidang dengan kita punya bidang. Dia development industry, kita pensijilan.”

(Ustaz Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Fungsi Hab Halal JAKIM

Hab Halal JAKIM umpamanya mempunyai tiga cawangan utama iaitu cawangan dasar dan luar negara, cawangan pengeluaran sijil dan logo Halal, dan cawangan pengurusan Halal. Objektif utama penubuhan bahagian Hab Halal JAKIM ini adalah untuk melaksanakan sistem pengurusan pensijilan halal berdasarkan standard dan garis panduan berkaitan yang ditetapkan di peringkat antarabangsa selain mengeluarkan sijil pengesahan halal Malaysia selepas bayaran diterima dan pemohon memenuhi segala prosedur dan syarat yang ditetapkan.

“Ni peranan hab halal, kita ada beberapa cawangan yang mendatangkan operasi berdasarkan kepada fungsi. Pertama kita ada cawangan dasar dan luar negara. Cawangan dasar kita tengok pada polisi, standard semua tu. Dan luar negara satu pengiktirafan rumah sembelih di luar negara. Satu lagi kita akreditasi badan-badan islam luar negara. Yang kedua cawangan pengeluaran sijil dan logo halal, pengeluaran sijil dan logo halal ni audit untuk pemohon baru, cawangan ni akan uruskan. Dari permohonan awal sampai lah dapat sijil. Lepas tu unit kajian dan penilaian bawah cawangan pengeluaran sijil sekali. Yang ketiga unit pemantauan dan penguatkuasaan. Satu dia buat pemantauan biasa, satu lagi penguatkuasaan. Penguat kuasa ni ada yang buat based aduan orang awam, ada yang dari pemantauan, melanggar kita punya syarat da keperluan, kemudian diadakan kepada bahagian penguat kuasa, penguat kuasa akan bertindak. Yang terakhir yang kita punya tulang belakang, pengurusan halal, kita punya admin lah.”

(Ustaz Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Lembaga Pengkajian Pangan Obat-Obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI)

Manakala Indonesia telah mewujudkan LPPOM MUI atas mandat dari Pemerintah negara kepada Majelis Ulama Indonesia (MUI) untuk menangani kes lemak babi di Indonesia pada tahun 1988. LPPOM MUI yang ditubuhkan pada 6 Januari 1989 ini bertanggungjawab ke atas pemeriksaan dan pensijilan halal. Menurut Pak Muslich, Kepala Bidang Sistem Jaminan

Halal, MUI mempunyai 2 lembaga di bawahnya iaitu LPPOM dan Komite Fardu Ain/Fatwa yang mempunyai dua tugas yang berbeza namun menyumbang kepada industri halal di Indonesia.

Untuk tujuan sertifikasi itu maka MUI menugaskan 2 lembaga dibawahnya yang pertama adalah nama nya LPPOM MUI Lembaga Pengkajian pangan Ubat-obatan dan Kosmetika dan yang kedua adalah Komite Fardu Ain MUI. Ah jadi, sebenarnya LPPOM, pekerjaan atas nama sebahagian besar pada kesihatan di sini. Nah jadi auditor seterusnya itu di bawah LPPOM.

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Fungsi LPPOM MUI

Fungsi utama LPPOM MUI adalah sebagai bidang audit dan sistem jaminan halal, audit halal, komisi fatwa, bidang penelitian dan pengkajian ilmiah, latihan dan promosi produk halal. Pak Muslich juga menjelaskan tugas utama LPPOM berkait rapat dengan sains halal dan ahlinya terdiri daripada pensyarah-pensyarah di Institut Pengajian Tinggi manakala bagi MUI yang sebagai pembuat keputusan untuk pengesahan sijil halal tersebut dan ahlinya adalah cendekiawan Islam yang terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran seperti syariah, fatwa, fiqh, hadis dan sebagainya untuk membahaskan sesuatu isu mengenai produk halal tersebut.

Jadi LPPOM ini punya tugas menangani training, konsultasi kemudian orang mendaftar dan seterusnya mengaudit, menjadual mengaudit, mendiskusikan khabar internal harusnya sampai jadi suatu laporan akhir dan laporan ini kalau sudah disepakati di LPPOM maka kita ajarkan rapat di Komusi fatwa. Itu di Jakarta hari ini. Dan kalau Komusi fatwa inilah sebenarnya yang mengambil keputusan, the decision makernya itu komusi fatwa. Dia menyatakan bahawa produk ini halal, produk ini belum berdasarkan kajian panjang dari LPPOM.

Yea mereka secara umum mereka orang yang, yang federalnya/fekralnya ilmu syariah. Secara umum itu, jadi mereka berbeda betul dengan yang di LPPOM. Kalau di LPPOM, fekralnya saintis sebahagian besar dari mereka adalah dosen di perguruan tinggi. Sebahagian besarnya nah jadi kalau di komusi fatwa ya ada orang ahli hadis ahli fikir...

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

B) PERUNDANGAN HALAL

Di Malaysia, undang-undang utama pensijilan halal adalah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) manakala di Indonesia adalah Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 33 Jaminan Produk Halal.

Akta Perihal Dagangan 2011

Di Malaysia, Ustaz Salleh menjelaskan undang-undang utama yang terlibat dalam produk halal adalah Akta Perihal Dagangan 2011. Perundangan subsidiarinya dianggap sebagai perundangan utama yang kerap menjadi rujukan kerana ianya merupakan peruntukan yang secara tersuratnya memberikan kuasa kepada JAKIM. Walaupun Akta ini adalah di bawah bidang kausa KPDKKN, ia mengandungi peruntukan yang menggariskan peranan JAKIM. Seksyen 29 APD 2011 telah memberi kuasa kepada Menteri KPDKKN bagi melantik pihak berwajib untuk mengeluarkan sijil dan logo halal di Malaysia. Melalui Perenggan 3,

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Menteri KPDNKK telah menamakan JAKIM dan MAIN/JAIN sebagai agensi berwajib tersebut. Manakala undang-undang lain adalah Akta Makanan, Akta Binatang, Peraturan Haiwan 1962 dan Akta Kecil undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan.

“Ini antara undang-undang yang terpakai dalam pensijilan halal yang paling utama dia punya main undang-undang APD 2011. Yang kedua pasal produk yang berkaitan dengan makanan, terikat dengan akta makanan. Untuk rumah sembelih terikat Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962 dan untuk produk daging dan tenusu terikat dengan akta kastam. Kalau kita tengok enakmen atau akta jenayah syariah pun ada menyebut kesalahan halal lah. Tapi ikut sebahagian negeri. Kelantan, Terengganu. Pahang, Johor, Selangor dan Kedah. Yang lain tak ada. Dan Akta kecil undang-undang PBT.”

(Ustaz Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 33 Jaminan Produk Halal

Manakala di Indonesia, undang-utama yang terpakai bagi pensijilan halal adalah Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 33 Jaminan Produk Halal seperti yang dijelaskan oleh Pak Muslich.

Jadi yang dibawah MUI itu sebenarnya gini kalau..aaa... kita punya undang-undang di Indonesia yea punya undang-undang No 33 tahun 2004 itu tentang jaminan produk halal.

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Namun Pak Muslich menjelaskan undang-undang tersebut masih lagi dalam proses kemas kini dan hanya sebahagian daripada garis panduan pensijilan halal dalam undang-undang tersebut yang diaplikasikan. Hal ini berikutan kerana perlu melibatkan kerjasama dari pelbagai badan dan peraturan pemerintah dan sehingga kini MUI adalah badan utama yang mengeluarkan sijil halal tersebut. .

“Aaa.. sebahagian ya. Tidak semua. Karna kayak undang-undang itu kan... misalnya katakan lah gini kalau.. kalau fatwa kan tetap dari MUI. Ya, itu masih..itu sudah masuk sampai sekarang demikian tetapi nanti misalnya certificate tu yang diberikan badan itu. Boleh jadi. Badan itu pemerintah. Kalau sekarang kan certificate itu diterbitkan MUI....”

“ Ya, kerana semua perangkap yang diperlukannya kan belum.. belum semuanya ada. Harus membentuk badan, harus membuat peraturan pemerintah, harus nanti buat betul... yang melibatkan banyak sekali kementerian. Ha.. itu yang belum selesainya.”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

C) CABARAN INDUSTRI HALAL

Cabaran industri halal yang dihadapi oleh kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia, melalui dapatan temu bual terdiri daripada tiga perkara iaitu **keperluan pensijilan halal, penguatkuasaan undang-undang dan pensijilan halal dan latihan kesedaran dan kefahaman halal kepada pengusaha dan pengguna.**

Keperluan Pensijilan Halal

Encik Mohd Romzi menjelaskan keperluan pensijilan halal di Malaysia adalah bersifat sukarela. Selain itu beliau turut berkongsi bahawa sebenarnya lebih ramai orang bukan Islam yang membuat permohonan pensijilan halal ini.

“Di Malaysia, untuk memohon sijil halal ini adalah voluntarily. Terpulang kepada individu itu sendiri berdasarkan pemahaman mereka akan kepentingan dan kebaikannya “

“Dalam menggalakkan permohonan logo halal di kalangan pengusaha. Lebih ramai bukan Islam yang membuat permohonan. Antara alasan ialah permohonan untuk sijil halal ini adalah mahal dan mereka kurang kemampuan. Namun hakikatnya permohonan tersebut adalah pada harga murah dan mampu”.

(Mohd Romzi, Temu bual, 27 April 2015)

Manakala di Indonesia, Pak Muslich menyatakan pensijilan halal juga bukan sesuatu yang mandatori, cuma bersifat sukarela semata-mata:

“..sekarang itu masih sukarela. Kerna sukarela maka ya semua yang..membutuhkan untuk sertifikasi, maka dia mendaftar..”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Walaupun bagaimanapun, atas faktor keperluan penting permintaan dan persaingan dalam menyediakan produk halal kepada pelanggan, sifat sukarela ini lebih bersifat sebagai suatu kewajipan kepada pengusaha.

“...Tetapi kita bisa lihat begini sebenarnya walaupun sukarela sebenarnya itu, kalau dipasar itu banyak yang udah sifatnya seperti wajib..”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Situasi ini berlaku kepada kebanyakan pengusaha di Indonesia, terdiri dari pengusaha kecil-kecilan bahkan yang besar dan asalnya daripada pengusaha luar.

“Kalau dia enggak disertifikasi dia nggak akan bisa jualan. Kerna semua customernya dia mengharuskan punya certificate halal. Gitu. Jadi dia mau masuk ke perusahaan yang besar-besar yea di Indonesia mau ... Nestle, IndoFood, Unilever, Garuda food, mana saja yang dia mau masuk ke situ habis sih Coca-cola mana ya itu dia pasti sudah mengharuskan punya certificate halal. Jadi, jadi, walaupun sukarela sebenarnya ada banyak hal di pasar yang mengharuskan mereka sertifikasi gitu kerna kalau tidak mereka tidak akan bisa bersaing.”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Penguatkuasaan Undang-undang dan Pensijilan Halal

En Mohd Romzi turut melontarkan beberapa idea berkaitan isu penguatkuasaan undang-undang dan pensijilan halal di Malaysia. Isu Halal seharusnya menjangkau undang-undang yang sedia ada kerana pada dasarnya ada 4 perkara utama yang perlu diberikan perhatian

berkaitan produk makanan halal iaitu aspek kesihatan (*healthy*), kebersihan & keselamatan (*clean & safe- hygiene*), berkhasiat (*nutritious*) dan berkualiti (*quality*).

“Persoalannya adakah tindakan undang-undang boleh diambil oleh PBT terhadap peniaga yang gagal memastikan setiap makanan yang dijual ditutup rapi atau tidak terdedah kepada lalat atau gerai tempat berniaga tidak bersih? Sepatutnya undang-undang halal perlu mempromosikan kebaikan-kebaikan produk halal.”

“Adakah pihak terlibat boleh membuat satu peraturan khas dengan mengasingkan warna troli untuk pengguna muslim dan bukan muslim, mengasingkan kaunter pembayaran untuk produk halal dan tidak halal. Bukankah ini bakal memberi kesan sosial kepada masyarakat. Persoalannya bolehkah undang-undang sedemikian dikuatkuasakan?”

“Sebagai contoh produk makanan seperti instant noodle. Adakah ia halal jika dilihat dari 4 aspek di atas. Mee segera bukan jenis makanan yang sihat. Tetapi sebenarnya isu mee segera bukan makanan yang sihat ini bergantung pada cara penyediaannya.

“Isu lain ialah self-service laundry: bagaimana dengan pencuci kain yang digunakan? Boleh rujuk fatwa yang telah dikeluarkan oleh JAKIM berhubung dengan isu pencuci kain yang mempunyai lemak babi dan alcohol.”

“ berkaitan halal logistik kita boleh lihat Jepun mempunyai konsep kebersihan yang sangat bagus”.

(Mohd Romzi, Temu bual, 27 April 2015)

Manakala, di Indonesia, Pak Muslich menjelaskan penguatkuasaan pensijilan halal dalam industri makanan telah menapak lebih awal berbanding dengan penguatkuasaan pensijilan halal dalam industri ubat-ubatan dan kosmetik. Walaubagaimanapun permintaan bagi pensijilan halal dalam industri kosmetik sedang berkembang. Situasi ini menampakkan bagaimana industri makanan lebih terkehadapan berbanding dengan pensijilan halal yang lain.

“Barangkali ubat masih tertinggal kalau kosmetik sudah mulai banyak. Itu kerna memang ada halangan bagi mereka untuk bisa melangkah ke certifikasi.. Cuma kalau foods sudah mulai dari sepenuhnya. 15 tahun yang lalu sudah mulai mereka..”

“Nah yang kosmetik, ubat menyusul. Dia lebih kecil jadi kalau ibu tanya ubat yang halal di Indonesia ha tu pasti sedikit. Tapi kalau ibu sebut aja makanan. Makanan, retail, permerah di Indonesia silakan apa saja. Itu hampir seratus persen certifikasi. Gitu.”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Temubual dengan Dr. Anna P. Roswiem, Kepala Pusat Halal, Universitas Yarsi turut menyatakan perkara yang sama:

Bukan banyak sekali, LPPOM aja baru sekitar 30%20 sekian persen yang sudah dicertifikasi ya. Terus obat apalagi masih sedikit sekali, kosmetik juga masih sedikit.

(Dr. Anna P. Roswiem, Temu bual, 13 Oktober 2015)

Latihan Kesedaran Dan Kefahaman Halal Kepada Pengusaha Dan Pengguna

Maka untuk memberi kefahaman kepada pengguna dan rakyat Malaysia meliputi masyarakat Islam atau tidak secara amnya mengenai proses pensijilan halal dan bidang kuasa dan peranan setiap badan yang terlibat, HDC adalah antara badan yang aktif membuat kempen penerangan mengenai pensijilan halal di Malaysia.

“Terkini kempen-kempen kesedaran adalah kepada syarikat SME, pelajar IPTA/IPTS termasuk kanak-kanak. HDC telah menerbitkan dua buah buku bergambar kanak-kanak mengenai kesedaran mengenai produk halal”.

(Mohd Romzi, Temu bual, 27 April 2015)

Selain itu, HDC turut mengadakan beberapa siri latihan dan konsultasi kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk mendapatkan sijil halal terutamanya syarikat kecil dan sederhana.

“Sekarang ini kita membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana cara untuk membuat permohonan mendapatkan sijil halal untuk produk mereka. Kita ajar mereka dari A-Z”.

(Mohd Romzi, Temu bual, 27 April 2015)

Manakala bagi pengusaha di Indonesia, mereka juga perlu diberikan kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan halal kerana dengan prinsip halal, ianya meliputi unsur kebersihan dan kehalalan bermula dari rangkaian bekalan sehingga produk makanan yang dikeluarkan.

“Kerna memang hampir semua sudah turun-temurun orang padang dengan orang ini sudah ini. Nah, kadang-kadang mereka merasa saya orang muslim dari dulu. Kakek nenek moyang saya sudah haji gitu. Apa yang..apa yang haram? Kenapa saya perlu certifikasi gitu. Ada yang begitu.”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

“..Betul tetapi yang lain-lainnya aspek yang lain-lain belum tentu. Belum tentu. Misalnya dia pakai saya punya kerupuk kulit ya kerupuk kulit itu. Nah itu kan panjang kulit nya dari mana belinya? Kulitnya dari mana? Dia belinya dari mana itu? Bagaimana proses penyembelihannya kan dia tak tau. Ya kecuali semuanya dia mengadakan.”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Selain itu, dalam situasi semasa di Indonesia, tiada sebarang insentif yang signifikan diberikan oleh pemerintah. Walaubagaimanapun, insentif dengan memberikan latihan dan sijil secara percuma dilaksanakan dalam usaha untuk menggalakkan permohonan pensijilan halal dari para pengusaha di negara Indonesia agar menyumbang kepada kesedaran dan pemahaman terhadap pensijilan halal tersebut.

“kalau insentif..insentif..katakan lah yang terstruktur saya kira belum ada ya. Yang ada begini di kementerian tertentu di.. di tingkat pusat atau ditingkat propinsi/prophency itu memberikan bantuan bagi pengusaha. Biasanya pengusaha hasil atau mana-mana untuk mengikuti training, mempersiapkan umm.. Jadi mereka katakanlah mendapat dicertifikasi secara gratis saja.”

“..kita punya training rutin di sini setiap bulan 2, 3 kali itu mereka bisa gabung bisa lihat. Kalau mereka mau datang bertanya, berdiskusi kita juga bisa ... setiap orang datang. Kita juga punya forum diundang dengan beberapa sosiasi di perusahaan di farmasi ...dan seterusnya.”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

D) KEKUATAN INDUSTRI HALAL

Secara keseluruhannya, kekuatan industri halal di kedua-dua buah negara Malaysia dan Indonesia terbahagi kepada dua perkara utama iaitu **Kerjasama Antara Badan Kerajaan Dan Institusi Pengajian dan Rujukan dari Negara Luar.**

Kerjasama antara badan kerajaan dan Institusi Pengajian

Di Malaysia, kekuatan industri halal disumbangkan melalui kerjasama antara badan kerajaan dan institusi tertentu. Selain HDC, JAKIM turut bekerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia yang bertanggungjawab membangunkan standard untuk makanan halal seperti ‘Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS 1500:2009). Ustaz Salleh menjelaskan standard ini mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri makanan seperti penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambah khasiat dan nutrien).

“Kita dengan Jabatan Standard Malaysia, dia merupakan jabatan yang membangunkan standard kita. Dia adalah pemilik standard...”

“Hinggalah pada tahun 2003, ditubuhkan satu jawatankuasa, kat situ JAKIM dilibatkan dia jadi pengerusi satu jawatankuasa tu untuk bangun standard. Itulah standard makanan halal semua tu yang MS15:2004. Bila tu dibuat baru kita boleh guna. Baru kita buat sebagai rujukan. Kemudian MS tu kita revise 2009. First, 2004 tapi sebenarnya sebelum tu dah ada dah standard halal...”

“Lepastu macam-macam standard dibangunkan dan standard yang pada halal sekarang ada 10. 10 tu termasuk yang untuk sekarang ni yang patuh syariah...”

(Ustaz Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Seterusnya kerjasama di antara JAKIM dengan Jabatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang terlibat dengan pensijilan Halal khususnya untuk daging import.

“Dia macam ni daging nak masuk Malaysia, dairy susu semua dia terletak di bawah Akta Veterinar.

Veterinar dia tetapkan daging-daging nak masuk Malaysia mesti di sahkan halal. Kat situlah pegawai veterinar dan pegawai jakim akan pergi ke rumah

sembelihan sana, kita akan check apa semua, kalau kita tengok check daging masuk Malaysia, kita bentangkan dalam mesyuarat. Mesyuarat tu, form daripada JAKIM dan veterinar, kita sahkan halal baru dia dapat dibenarkan untuk dibawa ke Malaysia.”

(Ustaz Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Di sini JAKIM berfungsi sebagai badan pengesahan halal terhadap produk secara umum manakala veterinar adalah sebagai badan utama yang menguruskan pelan dan daging import ke Malaysia.

“Kalau kita tengok dekat pensijilan halal, godfather dia adalah JAKIM. Tapi kalau daging dia punya godfather dia veterinar. Veterinar yang pengerusikan dalam tu. JAKIM sebagai sebahagian yang meluluskan. Daging tempatan kalau rumah sembelihan JAKIM sahaja.....sebab kita akan buat 2 kerja berasingan. Kalau luar negara kita akan pergi audit bersama. Tapi untuk yang rumah sembelih ni, Cuma kita tengok dia certified by veterinar, kadang2 veterinar yang datang check dulu. Veterinar mengesahkan pelan tu okay atau tidak. JAKIM mengesahkan halal atau tidak. Tu untuk daging dan produk tenusu.”

(Ustaz Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Manakala kekuatan industri halal di negara Indonesia adalah melalui keprihatinan beberapa Universiti dan individu. Pihak berautoriti dalam pensijilan halal Indonesia seperti MUI-LPPOM mendapat kerjasama yang baik daripada pihak perguruan tinggi (pusat pengajian tinggi/universiti) dan saling melibatkan para akademia di dalam urusan di LPPOM, terutamanya bagi kepakaran yang diperlukan dalam memperkasakan industri halal.

“Aaa... kalau itu..kita punya katakanlah kerjasama ya dengan perguruan tinggi. LPPOM itu sebenarnya dulu diorganisasinya banyak ada melibatkan orang-orang dari perguruan tinggi sampai sekarang pun sebahagian besar auditornya adalah orang-orang dari perguruan tinggi. Jadi mereka terlibat di dalam satu sebagai auditors yang kedua terlibat di dalam management di LPPOM jadi saya sudah termasuk management dia di LPPOM tapi saya juga dari perguruan tinggi, gitukan.”

“...kerjasama pelatihan ada kerjasama perkembangan praktium jadi banyak orang dari pelan tinggi juga bisa.. LPPOM di provinsi itu sebenarnya kalau nanti pengurusnya atau sebahagian auditornya juga dari perguruan tinggi di daerah ... secara berkala sudah. Punya training, diskusi dengan kita ...”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Keterbukaan polisi yang dikuatkuasakan oleh pemerintah Indonesia yang membenarkan badan pengurusan berkaitan dengan industri halal pelbagai ditubuhkan oleh masyarakat/perseorangan.

“..Selain inisiatif juga ada dari pemerintah Indonesia yea tahun kemarin sudah ada undang-undang nya. Undang-undang jaminan produk halal. Di situ satu lembaga pemeriksa halal seperti LPPOM.. boleh dibentuk oleh masyarakat atau pemerintah begitu kan. YARSI kan bukan pemerintah jadi dari organisasi Islam

jadi ini persyaratan ini sudah dipenuhi kemudian punya kantor punya laboratorium punya auditor.”

(Dr. Anna P. Roswiem, Temu bual, 13 Oktober 2015)

Inisiatif ini telah diambil tindakan yang positif oleh Universiti YARSI dengan penubuhan YARSI Halal Centre, di Universiti YARSI yang hampir lengkap dengan peralatan dan mesin berteknologi tinggi dan terkini serta canggih untuk menguji elemen-elemen tidak halal seperti DNA babi dan sebagainya, sepertimana temubual yang diperolehi dari Dr. Anna:

“.. Jadi untuk pemeriksaan halal itu perlu laboratorium ada kadang harus diuji ke laboratorium..”

“..owh ini, ini tempat gas nya. Untuk for gas, carbon and calium and absolutely this turbine/nitrogen generator for LCMS.”

“.. Yang ini yang Helium yang ada banyak kegunaan.”

“.. PCR itu bisa untuk DNA babi, DNA sapi, DNA kan berbeda-beda. Ini PCR nya, bisa kita pakai bisa pakai aa.. platium 384 atau nya 96. Tapi ini karena lagi ada projek jadi agak banyak jadi kita pakai yang 384. Ini ada iluminar untuk NGS nya (Technical process of how the machines work).”

(Dr. Anna P. Roswiem, Temu bual, 13 Oktober 2015)

Peningkatan industri halal Indonesia adalah menerusi keupayaan dan kepakaran niche universiti masing-masing, walaupun menggunakan dana sendiri. Ini terbukti dengan persediaan di peringkat akhir YARSI Halal Centre oleh Universiti YARSI, Jakarta Indonesia. Mereka turut optimis untuk mengadakan kerjasama dengan pihak luar, sepertimana dinyatakan oleh Dr. Anna berikut:

“..Iya ini kan bisa untuk makanan untuk apa um.. minuman, obat-obatan atau kosmetik bisa. Alat-alat ini untuk perusahaan/pemeriksaan kita.. Persiapan di fasilitasi alatnya ...collaboration.. aliterasi... progress...ha uh...on progress lah.. di bawah Yayasan Yarsi..”

“ tidak, tidak, tidak. Ini dibiayai Yarsi sendiri... Yarsi punya laboritorium halal punya aa.. kantor bisa punya ya. Tu.. tu.. Kemudian punya auditor mantan-mantan auditor ini dan calon-calon auditor... Pelatihan calon auditor halal. Jadi udah memenuhi syarat aa.. persyaratan pembentukan lembaga. Hmm.. Haah.. Iya itu. Makanya Prof ingin segera dibuka..”

“.. Kolaborasi dengan universitas lain misalnya di dengan Malaysia. Ok..”

(Dr. Anna P. Roswiem, Temu bual, 13 Oktober 2015)

Selain itu, gabungan antara pihak MUI dan LPPOM MUI secara tidak langsung menyumbang kepada industri halal Indonesia. Hal ini dijelaskan pihak LPPOM bahawa pihak MUI mempunyai kumpulan pakar rujuk syariah yang mahir hukum syariah dan mampu memberikan fatwa berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan bagi pensijilan halal. Manakala Pihak LPPOM MUI turut mempunyai kumpulan saintis dan juru audit yang berkepakaran dalam melaksanakan tugas menilai permohonan ke arah pensijilan halal.

“..kita melibatkan 2 sisi yang dibutuhkan jadi satu sisi tu adalah ulama orang yang menasihati hukum Islam dan satu sisi tu lagi adalah sains .. keputusan

akhir itu di ulama. Tapi kajiannya.. kajiannya dibutuhkannya itu dilakukan oleh saintis. Di kita doa ulama itu cukup besar mereka cukup bervariasi tentang menerimanya banyak pemikiran. Tidak satu dua mereka ... lima puluh orang kemudian saintisnya juga cukup banyak dan mereka punya patron yang sangat...sangat... Ada orang kimia, orang nutrisi ada orang bioteknologi ada orang packaging, perindustrian, farmasi dan seterusnya.”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Rujukan dari Negara Luar

Di Malaysia, HDC juga sering dikunjungi dan menjadi tempat rujukan beberapa negara luar seperti Thailand, Jepun, dan sebagainya dalam mempelajari perkara yang berkaitan dengan industri halal.

“Baru-baru ini kita dikunjungi oleh delegasi dari Jepun. Mereka cepat belajar dari kita dan yang menariknya mereka terus mengaplikasikannya di pasar raya mereka. Sekarang ini di pasar raya mereka, turut diletakkan satu corner untuk produk-produk halal”.

(Mohd Romzi, Temu bual, 27 April 2015)

Encik Mohd Romzi turut berkongsi antara kejayaan industri halal di negara bukan Islam ini contohnya di negara Thailand adalah kerana sifat bantu-membantu di dalam jiwa rakyat Thailand untuk memasarkan produk mereka dan sokongan kuat dari badan pemerintah mereka.

“Sebenarnya Thailand juga mengadakan siri lawatan ke Malaysia (HDC) dan belajar dengan Malaysia dalam perkara berkaitan halal ini. Dari sudut lain, walaupun Thailand merupakan negara yang mempunyai minoriti penduduk bukan Islam namun mereka merupakan negara pengeluar tertinggi (67%) atau dikenali sebagai fast moving consumer goods. Tujuan mereka memohon untuk sijil halal dalam produk mereka kerana objektif mereka adalah untuk memasarkan produk mereka ke luar negara. Malah Thailand mempunyai raw materials yang banyak.

Jika dilihat commercial value, setanding atau tidak Malaysia dengan Thailand? Kenapa produk Thailand masih popular? Mereka ini mempunyai satu sikap di mana membantu sama lain dalam memasarkan produk mereka. Mereka mempunyai 800 pengusaha multinational company. SME mereka terdiri dari Muslim dan juga Non-Muslim. Malah mereka mendapat sokongan kuat dari Pusat Kajian Halal dan badan-badan Islam seperti CICOT.”

(Mohd Romzi, Temu bual, 27 April 2015)

Berbeza dengan Indonesia situasi semasa menunjukkan pengusaha dari luar turut berminat untuk memasuki pasaran industri halal Indonesia seperti penjelasan berikut:

“Bagi perusahaan kan begini bu.. bagi dia lebih mudah dia mengimplementasi sertifikasi halal baru dia bisa gunakan untuk semua pihak semua jenis customernya dia kerna yang tidak muslim pun tidak ada soal apa itu sertifikasi gitu.... Sekarang misalnya itu terjadi di Japan, di Korea, di China, India itu 4 negara ini paling agresif untuk masuk pasaran Indonesia.”

(Muslich, Temu bual, 15 Oktober 2015)

Pencapaian pihak LPPOM MUI telah mencapai standard yang boleh dibanggakan di dalam arena industri halal Indonesia, sepertimana diakui oleh Dr. Anna seperti berikut:

Aaa.. setahu kita ya, ya saya tahu juga pernah ke Thailand pernah ke Malaysia pernah ke Singapura dan macam-macam memang aa.. ini jujur saja aa.. untuk certifikasi tu aa.. LPPOM itu sudah bagus.

(Dr. Anna P. Roswiem, Temu bual, 13 Oktober 2015)

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Bagi industri halal di Malaysia secara keseluruhannya melalui hasil kajian yang diperolehi, sistem pensijilan halal yang diimplementasikan oleh JAKIM di Malaysia memang telah diakui antara yang terbaik dan terkehadapan di pasaran serantau dan global Halal namun kerajaan Malaysia perlu sentiasa mencari jalan untuk menambahbaik sistem sedia ada agar seiring dengan keperluan pasaran semasa, di dalam memenuhi permintaan tempatan dan global. Selain itu, pihak JAKIM perlu mengkaji dan mengambil langkah untuk mengetahui serta menangani isu-isu yang dihadapi oleh pengusaha produk Halal dan juga pengguna menerusi maklum balas negatif daripada sesetengah pihak mengenai perkhidmatan yang disediakan. Malaysia mempunyai peluang yang sangat cerah untuk terus memperkembangkan skop industri Halal Negara terutamanya dalam bidang pelancongan Halal, kesihatan, perubatan Halal dan fesyen atau kosmetik Halal selain daripada hanya menumpukan kepada bidang sedia ada seperti kewangan Islam (halal) dan industri makanan Halal.


Manakala bagi industri halal di Indonesia secara keseluruhannya, melalui dapatan temu bual mendalam hasil kajian menggambarkan dengan jelas tentang keprihatinan mereka terhadap kelangsungan industri halal Indonesia yang semakin berkembang. Keyakinan mereka bahawa industri halal Indonesia akan menunjukkan trend perkembangan yang lebih baik dan mampu muncul sebagai pusat halal serantau dengan kependudukan dan permintaan yang tinggi bagi produk halal. Kerjasama yang diberikan pihak perguruan tinggi (pusat pengajian tinggi/Universiti) merupakan antara faktor kekuatan kepada badan pelaksana industri halal seperti MUI-LPPOM dan ini diakui sebagai sumbangan besar yang telah memperkasakan lagi segmen industri halal Indonesia. Mereka turut berkeyakinan penuh bahawa Undang-Undang bagi industri halal Indonesia sedang melalui proses penambahbaikan yang akan menyumbang kepada keberkesanan dan keupayaan badan pelaksana yang diamanahkan dalam mengawal selia industri halal secara keseluruhannya di setiap daerah/provinsi di Indonesia.

Ringkasan maklumat industri halal di negara Malaysia dan Indonesia dilampirkan seperti di Rajah 1 sebagai rujukan umum untuk pembaca artikel ini. Kesimpulannya badan autoriti pensijilan halal, penguatkuasaan undang-undang dan standard halal yang diguna pakai bagi negara Malaysia dan Indonesia mempunyai kekuatan yang tersendiri. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh negara Malaysia dan Indonesia dalam memartabatkan industri halal ditangani dengan kaedah dan inisiatif yang tertentu terutama dalam memberikan kesedaran kepada pengusaha dan pengguna termasuklah kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Selain itu, kekuatan yang dimiliki oleh industri halal di Malaysia dan Indonesia secara tidak langsung boleh dijadikan contoh bagi negara lain mahupun di antara sesama Malaysia dan Indonesia yang berada di bawah satu rumpun dalam menegakkan syiar Islam mengenai seruan halalan thayyiban dalam kehidupan seharian kita.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah salah satu hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1, 2015; Geran Penyelidikan Primer (GPP), Kolej Universiti Islam Selangor.

Rajah 1: Industri Halal Negara Malaysia dan Indonesia



RUJUKAN

- Abdul, M., Ismail, H., Mustapha, M., & Kusuma, H. (2013). Indonesian small medium enterprises (SMEs) and perceptions on Halal food certification. *African Journal of Business Management*, 7(16): 1492-1500.
- Ahmad Hidayat Buang, & Zulzaidi Mahmud (2012). The Issues and Challenges of Halal Certification Bodies in Malaysia. *Shariah Journal*, 20, 271–288
- Ahmed, A. (2008). Marketing of halal meat in the United Kingdom: Supermarkets versus local shops. *British Food Journal*, 110(7): 655-670.
- Al-Khatib, J.A., Dobie, K. and Vitell, S.J. (1995), “Consumer ethics in developing countries: an empirical investigation”, *Journal of European Marketing*, Vol. 4, pp. 87-109
- Baizuri Badrudin, Zainalabidin Mohamed, Juwaidah Sharifuddin, Golnaz Rezai, Amin Mahir, Abdullah Ismail, Abd Latif, Mohd. Ghazali Mohayidin, (2012). Clients Perception towards JAKIM service quality in Halal certification, *Journal of Islamic Marketing*, 3 (1):59 – 71
- Bonne, K., Vermeir, I., Bergeaud-Blackler, F., & Verbeke, W. (2007). *Determinants of halal meat consumption in France*. *British Food Journal*, 109(5): 367-386.
- Chanin, O., Sriprasert, P., Rahman, H. A., & Don, M. S. 2015. Guidelines on Halal Tourism Management in the Andaman Sea Coast of Thailand. *Journal of Economics, Business and Management*, 3 (8):791-794
- Halal Focus. 2014. Indonesia’s Halal Food Law: Pros and Cons. 20 Disember 2014. <http://halalfocus.net/indonesias-halal-food-law-pros-and-cons/>. Retrieved by:31 Mac 2015.
- Hussaini, M.M. (2004), “Halalharam lists: why they do not work”, available at: www.soundvision.com/info/halalhealthy/halal.list.asp
- Lada, S., Harvey Tanakinjal, G., & Amin, H. (2009). Predicting intention to choose halal products using theory of reasoned action. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(1): 66-76.
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. 2014. HalalanTayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. 1:103-120
- Muatasim Ismaeel & Katharina Blaim. (2012). Toward applied Islamic business ethics: responsible halal business, *Journal of Management Development*, 31(10): 1090 – 1100
- Minkus-McKenna, D. (2007). The Pursuit of Halal. *Progressive Grocer*, 86(17), 42.
- Nursanti, W., & Tielung, M. (2014). The Effects Of Halal (Permissible) Food Labeling On Islam Customer Purchase Decision In Solaria Restaurant Manado. *Jurnal Riset Ekonomi, Manajemen, Bisnis Dan Akuntansi*, 2(3):1264-1272.
- Puziah Hashim. (2009). A cosmetics Analysis in Compliance with the Legislative Requirement, Halal and Quality Control. *Malaysian Journal of Chemistry*.11: 81-87.
- Rafiki, A. (2014). Determinants on the Obtainment of Halal Certification Among Small Firms. *World Applied Sciences Journal*, 32(1): 47-55.
- Rouse, C., & Hoskins, J. (2004). Purity, soul food, and Sunni Islam: Explorations at the intersection of consumption and resistance. *Cultural Anthropology*, 19(2): 226-249
- Sack, D. (2001), *Whitebread Protestants. Food and Religion in American Culture*.Palgrave: New York, NY
- Tieman, M., van der Vorst, J. G., & Che Ghazali, M. (2012). Principles in halal supply chain management. *Journal of Islamic Marketing*, 3(3), 217-243.

Dokumen

Indonesia Halal Directory 2015-2016 : Optimizing Research and Technology for Halal Certification. Bogor. Global Halal Centre: LPPOM MUI